

11/03/1997

Kerajaan elektronik mulai September (HL)

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Projek perintis kerajaan elektronik dalam perkhidmatan awam akan dilaksanakan September ini dengan pengenalan kiosk elektronik di beberapa tempat tumpuan orang ramai.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Abdul Halim Ali, berkata kiosk itu dijangka dapat membantu memudahkan orang ramai berurusan dengan pelbagai agensi kerajaan seperti pembayaran bil, denda, permohonan pasport dan pembaharuan lesen.

"Kiosk elektronik ini akan diadakan di tempat yang menjadi tumpuan orang ramai seperti pusat beli-belah, lobi bangunan yang mempunyai ramai pekerja dan bank.

"Pada peringkat awal, ia dilaksanakan di Lembah Klang.

"Kita lihat bagaimana sambutan dan kejayaannya sebelum dikembangkan ke bandar lain di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan buku Perkhidmatan Awam Malaysia - Ke Arah Kecemerlangan Melalui ISO 9000 di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Dr Mazlan Ahmad dan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran Perancangan dan Tenaga Manusia (Mampu), Datuk Dr Mohd Rais Abdul Karim.

Buku 241 muka surat itu diterbitkan oleh Mampu dalam siri Laporan Pembaharuan dan Kemajuan Dalam Perkhidmatan Awam.

Ia dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Program Pembaharuan Utama, Kemajuan Dalam Tahun 1996 dan Kemajuan Keseluruhan.

Pelaksanaan kerajaan elektronik adalah satu daripada tujuh aplikasi penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1 Ogos tahun lalu.

Abdul Halim berkata, sistem kiosk elektronik terbahagi kepada dua iaitu kiosk maklumat (Infokiosk) dan kiosk pembayaran.

Kini sistem Infokiosk sudah diperkenalkan oleh beberapa agensi kerajaan.

Beliau berkata, Infokiosk digunakan untuk mendapatkan maklumat latar belakang jabatan dan agensi, pelancongan dan industri di tempat tertentu.

Menurutnya, kiosk pembayaran akan mengendali pelbagai urusan seperti pembayaran cukai tanah, denda kesalahan trafik, memperbaharui lesen memandu dan cukai jalan, permohonan pasport serta mendapatkan borang memasuki maktab dan universiti.

Katanya, orang ramai boleh menggunakan kiosk itu di luar waktu pejabat dan mereka dikenakan bayaran tertentu yang berpatutan bagi setiap perkhidmatan.

Beliau berkata, sepasukan pegawai sedang mengkaji pelaksanaan kiosk yang sama di beberapa negara maju termasuk Amerika Syarikat.

Menurut beliau, seramai 135,000 pegawai dan kakitangan awam juga perlu dilatih menjelang 1999 bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran penggunaan teknologi maklumat.

"Kita yakin melalui penggunaan kiosk elektronik, ia akan memberi manfaat dari segi kecepatan proses dan menjimatkan waktu orang ramai.

"Mereka tidak perlu berbaris panjang di kaunter untuk membayar bil atau memperbaharui dokumen," katanya.

Abdul Halim berkata, pelaksanaan kerajaan elektronik termasuk memperkenalkan kiosk elektronik bertujuan menawarkan perkhidmatan lebih cekap dan berkualiti tinggi secara on-line kepada orang ramai serta masyarakat perniagaan.

"Ia juga untuk memperkemaskan proses dalam pentadbiran kerajaan bagi memperbaiki kualiti perkhidmatan, mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti.

"Selain itu, untuk memperkukuhkan keselamatan data dan menjamin kerahsiaan serta mewujudkan ketelusan melalui dokumentasi yang baik, komunikasi berkesan dan kebolehsesanan," katanya.

Menurut beliau, kerajaan elektronik akan menyediakan empat cara perhubungan iaitu perhubungan dalaman agensi, antara agensi, orang ramai dengan kerajaan dan masyarakat perniagaan dengan kerajaan.

Perhubungan dalaman agensi boleh dilakukan seperti melalui mel elektronik dan sidang video.

Perhubungan antara agensi pula antaranya melalui mel elektronik, Internet kerajaan, sistem Rangkaian Kawasan Setempat (LAN), Rangkaian Kawasan Meluas (WAN) dan sidang video.

(END)